

## KERAJAAN NEGERI KELANTAN

### PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 11 TAHUN 2017


#### DASAR PEMINDAHAN BATU BATAN/PASIR KE LUAR NEGARA.

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 15/2017 yang bersidang pada 19 Julai 2017 melalui Kertas Bil.15/2017/D 16(111) telah meluluskan tatacara pemprosesan pindahan batu batan/pasir keluar Negara sebagaimana berikut:-

1. Pindahan bahan batuan ke luar negara, termasuk pasir **tidak dibenarkan** kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.
2. Mana-mana orang / badan / syarikat yang bercadang untuk memindahkan pasir bagi tujuan apa-apa urusan atau bukan urusan ke luar negara (eksport) hendaklah terlebih dahulu mengemukakan permohonan pasir kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan untuk diproses dan diangkat bagi mendapat pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri **sebelum** orang / badan / syarikat tersebut hendak mengemukakan permohonan RASMI ke Kementerian /Jabatan Persekutuan yang menguruskan pemprosesan bagi kelulusan eksport keluar negara (AP).
3. Mana-mana pihak Kementerian / Jabatan Persekutuan yang diberi tanggungjawab untuk memproses permohonan bagi kelulusan eksport batu batan / pasir **hendaklah tidak memproses** mana-mana permohonan yang tidak disertakan dengan dokumen berikut:

- i. Surat kelulusan pindah bahan batuan termasuk pasir daripada Pihak Berkuasa Negeri.
  - ii. Mendapat pengesahan kuantiti bahan batuan / pasir untuk di eksport / dipindahkan dan bayaran royalti daripada **Pengarah Tanah dan Galian Kelantan sahaja**. (Salinan Permit 4C dan Resit Bayaran, termasuk apa-apa dokumen rasmi yang berkaitan, jika ada).
  - iii. Surat Pengesahan daripada mana-mana orang / badan / syarikat yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk mengurus-kendalikan kawasan “stock-pile” atau tempat di mana sumber batu batan termasuk pasir dihimpun/dikumpul sebelum dipindahkan **atau** Surat Pengesahan daripada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan.
  - iv. Lain-lain arahan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
4. Mana-mana kelulusan yang telah diberikan oleh Kementerian / Jabatan Persekutuan tanpa mengambikira peraturan atau arahan di para 3 (i), (ii), (iii) dan (iv) di atas akan menyebabkan Pihak Berkuasa Negeri mengambil tindakan membatalkan kelulusan pindahan batu batan, termasuk pasir yang telah diluluskan sebelumnya, samada melalui Permit 4B atau Permit 4C kepada mana-mana orang / badan / syarikat tersebut. Jika sedemikiannya terjadi, akan menyebabkan kelulusan eksport (AP) yang telah dikeluarkan oleh mana-mana Kementerian / Jabatan Persekutuan tidak boleh dikuatkuasa atau terhenti daripada boleh digunakan disebabkan bahan batuan / pasir tersebut yang asalnya menjadi milik Kerajaan Negeri, telah dibatal / ditarik kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada orang / badan / syarikat tersebut dan pemindahan tersebut juga dianggap tak sah tanpa kebenaran.

5. Pihak Berkuasa Negeri boleh mengambil tindakan perundangan di bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965 kepada mana-mana orang, termasuk mereka yang bersubahat dengannya dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun, atau kedua-dua sekali.
6. Sehubungan dengan ini Pentadbir – Pentadbir Tanah adalah diminta mengambil maklum dan mengambil tindakan berkenaan keputusan Pihak Berkuasa Negeri diatas dan Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

  
.....  
**DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K (Kelantan)**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**KELANTAN**

**KEPADA:**

Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB.Dato' Ustaz Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB.Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBr. Ketua Penolong Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**NEGERI KELANTAN**  
**BLOK 3, KOTA DARULNAIM**  
**15576 KOTA BHARU.**  
**FAIL NO : PTG.KN.44/85 Jld.4(18)**  
**BERTARIKH : 03 ZULKAEDAH 1438H**  
**27 JULAI 2017**